





Noraisah Nurul Fatwa Mohd Razali  
Guru Bahasa Kanan  
Pusat Bahasa Moden (PBM)  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)



## Karya Kreatif

# Doa di Laut Perjuangan

Di ufuk laut terbentang biru,  
terbawa doa anak bangsa,  
layar Sumud Global Flotilla berarak syahdu,  
menyulam tekad, menentang duka.

Wahai pejuang dari tanah bonda,  
dengan hati suci kau melangkah,  
membawa amanah, suara merdeka,  
agar dunia sedar, agar jiwa terbuka.

Jika hendak dibanding kerisauan kami di sini,  
risau lagi ahli keluarga yang menunggu.  
Jika hendak dibanding dengan kekuatan  
keluarga yang menanti,  
sungguh kuat lagi pejuang di dalam misi.

Moga lautan jadi sahabat,  
moga angin jadi penuntun,  
moga doa rakyat tak berhenti memanggil,  
"Ya Allah, lindungi mereka dari fitnah dan  
bahaya,  
kembalikanlah mereka dalam damai dan mulia."

Jika gelombang menguji sabar,  
ingatlah bumi ini milik Yang Esa,  
tiada perjalanan sia-sia,  
selagi niat kerana-Nya.

Pejuang Malaysia,  
kau bukan sekadar penumpang ombak,  
kau adalah nadi perjuangan umat,  
kau pulanglah dengan selamat,  
dengan doa yang tak pernah putus,  
dengan cinta yang menunggu di tanah air  
tercinta.

"يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا لَا تَهِنُوْا وَلَا يَاسُوْا ۗ اِنۡ تَهِنُوْا وَلَا يَاسُوْا يَظۡهَرۡ عَلَیۡكُمُ الْعَدُوۡ وَتَنتَظَرُوْنَ  
(Janganlah kamu merasa lemah, dan janganlah kamu bersedih hati; kamu paling tinggi darjatnya, jika kamu orang-orang beriman. – Al-Imran: 139)



Kejuruteraan • Teknologi • Kreativiti

Study@UMPSA

[Creative Work](#)

## Doa di Laut Perjuangan

3 October 2025

---

- 16 views

[View PDF](#)